

Warta **102** Konvo

Edisi 13 September 2025

**TIGA SRIKANDI
KEBANGGAAN
MASS COMM UiTM**

**PENGIKTIRAFAN
TERHADAP GRADUAN BUKTI
UiTM DIYAKINI INDUSTRI**

**UiTM MELAKA PASTIKAN GRADUAN
BERSEDIA BERSAINGAN PASARAN KERJA**

TIGA SRIKANDI KEBANGGAAN MASS COMM UTM



Zarina bersama anak sulungnya, Zaireen Zulaikha.



oleh: Zaidatul Insyirah Suhaini

Antara insan yang paling berbangga selepas melihat graduan menamatkan pengajian, tidak lain tidak bukan ibu dan bapa serta ahli keluarga seseorang graduan itu.

Bagi Pengurus Hal Ehwal Korporat Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Zarina Rozali, melihat dua anak gadisnya menaiki pentas menerima skrol ijazah pastinya antara saat manis yang akan dikenang sepanjang hayatnya.

Tambah manis, kedua-dua anak gadis Zarina iaitu Zaireen Zulaikha Kahar Jaafar dan Ezureen Natasya Kahar Jaafar menamatkan pengajian dalam bidang yang sama dengan Zarina iaitu Komunikasi dan Pengajian Media cuma kedua-duanya memilih pengkhususan yang berbeza antara satu sama lain.

Zaireen menamatkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) Perhubungan Awam manakala Ezureen memilih Kewartawanan

sebagai bidang pengkhususan.

“Pada asalnya saya mahu mereka ambil bidang lain. Biar setiap seorang ada bidang yang berbeza. Tapi nampaknya darah media tetap mengalir. Seorang pilih Perhubungan Awam, seorang lagi Kewartawanan. Saya tak halang, malah saya sokong cita-cita mereka. Sebab minat anak-anak, kita tak boleh sekat,” katanya.

Zarina beranggapan mungkin

pendedahan dengan dunia media sejak kecil meninggalkan kesan besar kepada anak-anaknya yang sering mengikuti beliau ke acara rasmi atau program dan melihat sendiri bagaimana industri media bekerja.

“Kadang-kadang bila ada program hujung minggu, mereka ikut serta. Dari situ mungkin datang minat. Mereka tengok saya bekerja, dengar pengalaman saya di BERNAMA, termasuk bertemu tokoh-tokoh negara. Itu semua secara tak langsung mempengaruhi mereka,” jelas beliau.


Bagi Zaireen Zulaikha pengalaman melihat ibu sendiri bekerja menjadi titik mula minatnya terhadap bidang ini.

“Tbu memang inspirasi utama saya. Dari kecil saya selalu ikut beliau ke program. Dari situ saya mula tanam minat untuk sertai *Mass Comm*, khususnya Perhubungan Awam”, kongsi.

Begitu juga adiknya, Ezureen Natasya Kahar Jaafar yang kini sedang melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) Kewartawanan, minat



Zarina bersama anak keduanya, Ezureen Natasya.



menulisnya semakin kuat apabila melihat sendiri realiti kerja ibunya di BERNAMA.

“Saya pernah ikut ibu ke pejabat, dengar cerita beliau bertemu tokoh-tokoh besar. Itu buat saya rasa bidang kewartawanan sesuai dengan diri saya. Harapan saya, suatu hari nanti dapat bekerja di BERNAMA sendiri”, katanya yang bercita-cita menempatkan diri di meja berita jenayah.

Dengan pengalaman lebih dua dekad bekerja, Zarina memahami akan cabaran yang perlu dilalui oleh kedua anaknya lebih-lebih lagi dengan dunia media masa kini.

“Industri sekarang tak sama macam dulu. Persaingan tinggi, graduan pun makin ramai. Itu sebab saya selalu pesan, jangan hanya bergantung pada satu kemahiran. Walaupun ambil Perhubungan Awam, perlu tahu juga fotografi, grafik dan lain-lain. Industri hari ini perlukan orang *multitasking*,” tegasnya.

Zaireen bersetuju dengan pandangan itu. Menurutnya, cabaran graduan pada hari ini bukan sahaja tentang persaingan yang sengit, tetapi juga tentang keperluan untuk menyesuaikan diri dengan semua keadaan.

“Memang saya mahu kekal dalam industri. Tapi dengan keadaan

sekarang, kita tak boleh terlalu memilih. Apa saja peluang, kita kena ambil sebagai ruang untuk belajar dan tambah kemahiran,” kata beliau yang kini sedang bekerja di Maybank.

Tambah Ezureen pula, beliau tidak menjadikan isu relevansi media di era digital masa kini sebagai alasan buatnya untuk berundur dari minatnya. “Saya tahu ada orang kata kewartawanan semakin terpinggir. Tapi saya rasa masih ada ruang, cuma kita kena ada etika, integriti dan kuasai teknologi baru macam AI,” ujarnya.

Zarina turut menegaskan bahawa semua media akan tetap relevan

“Saya harap mereka berjaya, bukan saja dalam pelajaran dan kerjaya, tetapi juga dalam hidup. Dunia media mencabar, tapi kalau ada disiplin dan integriti, mereka boleh pergi jauh.”

walaupun teknologi berkembang pesat. Bagi beliau, sentuhan manusia tetap diperlukan dan peranan pengamal media tidak boleh digantikan kerana teknologi tetap dikawal oleh manusia, bukan sebaliknya.

Bagi Zarina, kejayaan sebenar anak-anaknya bukan sekadar untuk menggenggam ijazah. Tetapi membina kerjaya dengan nilai yang betul.

“Saya harap mereka berjaya, bukan saja dalam pelajaran dan kerjaya, tetapi juga dalam hidup. Dunia media mencabar, tapi kalau ada disiplin dan integriti, mereka boleh pergi jauh,” pesan beliau.